



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## KENYATAAN AWAM AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

### PERALIHAN PERMOHONAN UBAHSYARAT DAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN KEPADA SISTEM I-SPKP

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin memaklumkan kepada pelanggan kami mengenai **peralihan semua Permohonan Ubahsyarat dan semua Permohonan Pembaharuan Permit** daripada kaedah penerimaan permohonan di kaunter secara manual kepada permohonan melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) berkuatkuasa 19 Ogos 2024 (Isnin).

Susulan pembukaan modul pembaharuan dan modul ubahsyarat di dalam sistem ISPKP, terdapat keperluan untuk menyelaras peralihan data dari sistem lama kepada sistem baharu. Justeru, bagi tujuan ini **APAD akan menghentikan sementara Permohonan Ubahsyarat dan Permohonan Pembaharuan di semua kaunter dari 10 hingga 18 Ogos 2024 untuk kerja-kerja peralihan permohonan ke sistem i-SPKP.**

Sehubungan itu, APAD menyeru kepada mana-mana pelanggan APAD yang mempunyai urusan segera melibatkan permohonan Ubahsyarat dan permohonan Pembaharuan agar membuat perancangan permohonan sebelum 9 Ogos 2024.

Dijelaskan bahawa **lain-lain permohonan sedia ada melalui sistem i-SPKP termasuk permohonan baharu dan melesenkan kenderaan berjalan seperti biasa.** Dalam perkembangan sama, APAD ingin menyeru semua pemain industri yang masih belum membuat pendaftaran syarikat di sistem i-SPKP agar segera berbuat demikian bagi mengelakkan sebarang kesulitan permohonan di masa hadapan. Sila layari portal rasmi iSPKP iaitu <https://portal.ispkp.gov.my/> untuk mendaftar.

Kesulitan semua pihak yang terlibat dalam perkara ini amat dikesali. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, sila panjangkan ke emel **pertanyaan\_ispkp@apad.gov.my**

Sekian, harap maklum.

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
1 Ogos 2024

-TAMAT-